



15 Ogos 2016
15 August 2016
P.U. (B) 359

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH
BAGI MAKSUD AWAM

*REVOCATION OF RESERVATION OF LAND
FOR PUBLIC PURPOSE*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Pemberitahuan No. 316/1965 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Selangor* pada 17 Jun 1965, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah dan diwakilkan kepadanya, Menteri Besar Selangor telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang terletak di Pekan Batu, yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas pelan ukur hasil No. 23,237 yang disimpan di Pejabat Ketua Juruukur, Selangor, menjadi suatu rizab bagi maksud tapak pasar untuk disenggarakan oleh Pesuruhjaya Ibu Kota, Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, melalui P.U. (B) 108/2003 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual bersama dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* sebagai P.U. (B) 268/2016 pada 2 Jun 2016:

DAN BAHAWASANYA, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan yang diwakilkan kepadanya sebagaimana yang disebut terdahulu, membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual:

JADUAL

<i>Daerah</i> - Kuala Lumpur	<i>Pekan</i> - Pekan Batu	<i>No. Pelan</i> - 23,237
<i>No. Lot</i> - 19, seksyen 5	<i>Luas</i> - 3,960 meter persegi.	

Bertarikh 3 Ogos 2016

[PTG/WP(S).100-2/17/2; PTG/WP 2/42444/2009; PN(PU2)213/LXXVIII]

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA
Pengerusi
Jawatankuasa Kerja Tanah
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

NATIONAL LAND CODE

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by Notification No. 316/1965 published in the Selangor Government *Gazette* on 17 June 1965, in exercise of the powers conferred upon the Ruler in Council by section 24(i) of the Land Code and delegated to him, the Menteri Besar Selangor has proclaimed that the parcel of land situate in the Village of Batu, described in the Schedule and delineated upon revenue survey plan No. 23,237 deposited in the Office of the Chief Surveyor, Selangor, to be a reserve for the purpose of a site for a market to be maintained by the Pesuruhjaya Ibu Kota, Kuala Lumpur:

AND WHEREAS, by P.U. (B) 108/2003 published in the *Gazette* of the Government of the Federation on 3 March 2003, the Government of the Federation has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [Act 56/1965] to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the whole of the aforesaid reservation be revoked:

AND WHEREAS, notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the Land Administrator of the Federal Territory of Kuala Lumpur at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with section 433 of the National Land Code and was also published in the *Gazette* of the Government of the Federation as P.U. (B) 268/2016 on 2 June 2016:

AND WHEREAS, no objection to the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule was received:

NOW THEREFORE, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur, in exercise of the powers under section 64 of the National Land Code conferred upon the Government of the Federation and delegated to it as aforesaid, revokes the reservation of the land described in the Schedule:

SCHEDULE

District – Kuala Lumpur *Village* – Village of Batu *Plan No.* – 23,237
Lot No. – 19, section 5 *Area* – 3,960 sq. ft.

Dated 3 August 2016

[PTG/WP(S).100-2/17/2; PTG/WP 2/42444/2009; PN(PU2)213/LXXVIII]

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA
Chairman
Land Executive Committee
Federal Territory of Kuala Lumpur